

PASUKAN UniMAP MENYERLAH DALAM BOLA SEPAK MASUM CUP 2009

Kejohanan bola sepak MASUM CUP 2009 telah berlangsung pada 23-31 Mei 2009 yang mana sebanyak 16 pasukan universiti telah mengambil bahagian pada kali ini. Kejohanan yang berlangsung di Universiti Teknologi Mara Kampus Cawangan Seri Iskandar, Perak Dartul Ridzuan. Antara universiti yang mengambil bahagian adalah USIM, UKM, UniMAP, UUM, UteM, UM, UniKL, UPSI, UMP, UMT, UTM, UPNM, UMS, UMK, UIAM dan USM.

Pertandingan ini turut menggunakan format 'winners pools' dan 'loser pool' yang mana jika pasukan yang menang pada perlawanan pertama akan layak

terus ke kategori pasukan yang menang iaitu 'winner pools' manakala pasukan yang kalah akan terus masuk ke kumpulan pasukan yang telah kalah pada perlawanan pertama dan akan ada peringkat suku akhir, separuh akhir serta akhir mengikut peringkat kumpulan masing-masing.

Pada pusingan pertama pasukan UniMAP telah bertemu dengan pasukan UUM yang mana berkesudahan, UniMAP tewas dengan jaringan 4-0 dan terus masuk ke bahagian 'loser pools'. Di dalam kategori 'loser pools' pasukan UniMAP telah bertemu USIM dan menang dengan jaringan 3-0 dan seterusnya ke peringkat

separuh akhir yang akan bertemu UniKL dan akhirnya tewas dengan jaringan 3-0. Walaupun perlawanan berakhir di peringkat ini, namun pasukan UniMAP boleh berbangga di atas di atas semangat juang tinggi yang telah ditunjukkan mereka. Diharap pada tahun hadapan, pasukan ini akan dapat meningkatkan dan menggandakan lagi latihan serta usaha dalam pertandingan.

